

**UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN AMANAH SAHAM MALAYSIA
DI KELANTAN
6 JUN 2000**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana telah sudi menjemput saya ke majlis pelancaran Amanah Saham Malaysia (ASM) peringkat negeri Kelantan. Negeri ini merupakan negeri ketiga dalam siri pelancaran ASM peringkat negeri-negeri selepas Pulau Pinang dan Terengganu.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada PNB kerana berkat usaha dan kesungguhan pihak pengurusan dan kaitangannya, hanya dalam tempoh 20 hari dari tarikh pelancarannya, kesemua unit-unit ASM yang berjumlah dua ribu juta unit telah habis dijual. Saya juga difahamkan bahawa rakyat negeri ini tidak ketinggalan dari menyertai pelaburan dalam dana terbaru PNB ini. Lanjutan daripada sambutan yang luar biasa ini, saya dimaklumkan bahawa saiz dana ASM telah ditambah satu ribu juta unit lagi. Oleh itu orang ramai bolehlah mengambil peluang ini untuk melabur bermula pada hari ini. Pertambahan saiz dana ASM ini bukan sahaja mendapat sokongan malah amat dialu-alukan oleh kerajaan dan berharap ianya membuka semula peluang kepada rakyat Malaysia yang tidak berkesempatan untuk melabur sebelum ini.

3. ASM telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 April lalu di Kuala Lumpur bersempena dengan minggu saham amanah Malaysia. ASM adalah saham amanah keenam yang diuruskan oleh PNB selepas ASN, ASB, AHP, ASW 2020 dan ASN 2. ASM juga merupakan saham amanah kedua yang ditawarkan kepada semua rakyat Malaysia dari seawal usia 6 bulan tanpa mengira bangsa dan keturunan selepas ASW 2020. Kejayaan ini mempamerkan keyakinan rakyat Malaysia, baik di kalangan bumiputera mahu pun bukan bumiputera terhadap kemampuan PNB mengurus saham-saham amanahnya.

4. Pada hari ini, rakyat negeri Kelantan bukan sekadar berpeluang melabur dan menambah pelaburan masing-masing dalam ASM malah turut berpeluang menyaksikan pelancaran kelab pelaburan bijak PNB di peringkat negeri Kelantan. Melaluinya para pelajar di peringkat sekolah diketengahkan dengan ilmu dan pengetahuan mengenai dunia pelaburan.

5. Pelancaran kelab pelaburan bijak PNB merupakan antara pendekatan-pendekatan strategik yang telah diambil oleh PNB untuk meningkatkan tahap pengetahuan khususnya dalam bidang yang berasaskan kewangan dan pelaburan. Selaras dengan peranannya sebagai penggerak industri saham amanah di negara ini, PNB telah menyediakan berbagai program yang berteraskan pendidikan pelaburan berterusan. Adalah diharapkan agar ia menjadi wadah bagi melahirkan lebih ramai masyarakat Malaysia yang bermaklumat serta celik pelaburan. Ia juga mengajar kita semua supaya mengamalkan tabiat berjimat cermat serta melaburkan wang simpanan mereka secara lebih berfaedah dan selamat. Minggu saham amanah Malaysia yang telah dianjurkan oleh PNB pada bulan April yang lalu turut berpandukan kepada matlamat pendidikan berterusan. Hasilnya pameran yang diadakan bersempena dengan minggu saham amanah Malaysia telah mencatatkan lebih 60,000 orang pengunjung. Rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat usia iaitu kanak-kanak, para

pelajar, kakitangan sektor kerajaan, swasta dan surirumah didedahkan kepada asas-asas pelaburan khususnya dalam saham amanah melalui aktiviti-aktiviti seperti pameran, permainan pelaburan dan pertandingan bahas.

6. Bagi memperluangkan pengetahuan orang ramai terhadap industri saham amanah di negara ini PNB juga telah melancarkan sebuah buku yang memuatkan profil syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengurusan saham-saham amanah yang dinamakan "Malaysia Unit Trust Directory 2000". Buku ini merupakan bahan rujukan terbaik tentang industri saham amanah secara keseluruhan.

7. Pada hemat saya pendidikan yang berterusan dalam bidang pelaburan adalah amat penting memandangkan begitu banyak faedah yang boleh diperolehi. Oleh kerana itu, saya telah menyarankan di majlis penutup minggu tersebut agar penganjuran minggu saham amanah Malaysia di masa hadapan yang kini menjadi agenda tahunan negara diperluaskan hingga ke peringkat negeri. Saya difahamkan PNB sedang mengatur perancangan untuk meluaskan kempen-kempen pendidikannya ke peringkat daerah dan saya yakin ia mampu memberikan pendedahan yang diperlukan. Ini bertujuan bagi memberi peluang kepada rakyat teramai terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar untuk turut sama menyertai aktiviti-aktiviti bermanfaat yang dijalankan sepanjang minggu tersebut. Usaha PNB melancarkan amanah saham Malaysia hingga ke peringkat negeri-negeri ini juga merupakan langkah awal dalam memperbanyakkan peluang kepada rakyat teramai untuk mengenali dan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai saham-saham amanah. Selain itu, ianya juga memaparkan kesungguhan dan keprihatinan PNB dalam mendidik orang ramai terutamanya bakal pelabur tentang pelaburan dalam saham-saham amanah.

8. Kalau diimbaz kembali matlamat penubuhan PNB adalah sebagai salah satu mekanisme strategik bagi merealisasikan objektif dasar ekonomi baru (DEB). Hari ini gandingan DEB dan PNB terbukti mampu bukan sahaja mengurangkan tahap kemiskinan malah merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum yang pernah wujud satu ketika dulu. Meskipun matlamat untuk memastikan golongan bumiputera menguasai 30 peratus kepentingan dalam sektor korporat negara belum lagi tercapai sepenuhnya namun keadaan sekarang adalah jauh lebih baik daripada keadaan yang pernah kita alami lebih 28 tahun dahulu. Jika di sekitar tahun 1970an, kadar kemiskinan yang dialami negara berada di paras 49 peratus kini ia telah menurun kepada lebih kurang 8 peratus.

9. Proses pembangunan hanya boleh dilaksanakan dengan jayanya sekiranya negara berjaya mengekalkan kestabilan dan kesejahteraan ekonomi dan politik. Pada masa yang sama rakyat perlu memainkan peranannya dengan memberi sokongan berterusan kepada usaha-usaha kerajaan terutamanya ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun kita tidak dapat lari dari mengharungi berbagai cabaran dan halangan. Namun kita amat beruntung kerana ekonomi negara kini semakin menampakkan pertumbuhan yang positif. Polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan sepanjang dua tahun yang lepas untuk menggalak industri-industri yang mempunyai rantai antara sektor yang tinggi dan merangsang permintaan sektor swasta telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi yang mapan dan menyeluruh. Prestasi yang kukuh dalam sektor eksport, dasar fiskal dan kewangan yang mengembang telah menyumbang kepada pemulihan yang kukuh dengan pendapatan yang meningkat dan peluang pekerjaan yang bertambah baik.

10. Ini dibuktikan dengan pertumbuhan yang kukuh pada suku pertama tahun 2000 iaitu sebanyak 11.7 peratus. Iaitu peningkatan dua angka yang kedua-dua berturut-turut sejak bermulanya krisis kewangan pada bulan Julai 1997. Pencapaian ini membuktikan usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masalah kegawatan dengan cara dan gaya sendiri adalah tepat dan berkesan walaupun ada pihak-pihak yang sebelum ini meragui malah menampelak kemampuan negara menangani masalah ini.

11. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat negara ini untuk memelihara kejayaan dan kemakmuran yang telah dicapai selama ini. Adalah amat merugikan jika ianya dibiarkan begitu sahaja tanpa dikemudi hala tujunya. Lebih mendukacitakan jika kejayaan dan kemakmuran ini dipergunakan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab atau mereka yang berkepentingan peribadi. Apa yang penting sebagai rakyat ialah kita perlu bersatu mengekalkan kestabilan dan kemakmuran yang sedang kita kecapai agar usaha-usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dapat dilaksanakan dalam persekitaran yang lebih harmoni.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sambutan orang ramai yang begitu menggalakkan terhadap ASM, menjadi kayu pengukur bahawa bukan sahaja ekonomi negara telah pulih malah pendapatan rakyat juga menjadi lebih kukuh. Rata-rata rakyat kini telah berjaya memperuntukkan sejumlah wang daripada pendapatan mereka untuk simpanan dan tabungan bagi keperluan masa depan. Sekiranya amalan menyimpan atau menabung khususnya menerusi pelaburan dalam saham-saham amanah ini diteruskan dan dipertingkatkan, rakyat sebenarnya telah sama-sama menyumbang kepada peningkatan tabungan negara.

13. Pelaburan dalam saham-saham amanah merupakan mekanisme yang berkesan bagi mengagihkan kekayaan ekonomi negara secara sama rata. Ia juga merupakan instrumen pelaburan yang menarik kerana menawarkan pulangan yang berpadanan dengan risiko pelaburannya. Sebagai pelabur kita tidak perlu berasa gusar dan khuatir dengan pelaburan yang dibuat di dalam saham-saham amanah kerana ianya diuruskan oleh pengurus-pengurus profesional. Oleh itu, saya ingin nasihatkan agar sebelum melabur kita perlu bijak memilih pengurus dana yang bakal menguruskan pelaburan kita. Ini penting untuk memperolehi pulangan yang sewajarnya daripada pelaburan yang dilakukan.

14. Saya juga ingin menasihati orang ramai jangan cepat terpengaruh terhadap skim-skim cepat kaya. Minggu lepas kita dapat laporan ramai rakyat negeri ini tertipu dengan satu skim cepat kaya mengakibatkan mereka kerugian antara RM 2,000 sehingga RM 40,000 tiap seorang. Malahan laporan ada menyebut aktiviti ini begitu aktif di negeri ini dan dianggarkan kutipan wang pelaburan berjumlah sehingga RM 16 juta. Jumlah yang begini besar jika dilaburkan dalam saham-saham amanah PNB jauh lebih baik dan selamat. Saya minta orang ramai sentiasa mendapatkan pengetahuan mengenai pelaburan dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan mengenai pelaburan contohnya mengikuti program yang dianjurkan oleh PNB. Ini dapat mengelakkan kita dari tertipu dengan sebarang skim penipuan yang berleluasa kini.

15. Bagaimanapun, saya juga amat bersyukur kerana rakyat terus yakin akan kebolehan dan kemampuan untuk mengurus negara kita sendiri. PNB dan saham-saham amanah yang diuruskannya adalah ciptaan kita yang unik dan melaluinya kita

telah berjaya mengagihkan kekayaan negara secara lebih menyeluruh. Kerajaan yakin akan kemampuan industri saham amanah di negara ini sebagai pemangkin dalam memajukan ekonomi negara.

16. Pada masa yang sama kerajaan sentiasa memastikan agar rakyat diberi peluang dan kesempatan untuk meningkatkan kualiti dan taraf hidup masing-masing. Peluang melabur dalam saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB adalah satu daripadanya. persetujuan dan kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan kepada PNB untuk melancarkan saham amanah yang ke enamnya iaitu ASM bukan sahaja menambah alternatif pelaburan dalam saham amanah kepada masyarakat Malaysia tetapi juga diharap dapat membantu mempercepatkan proses pembangunan sosio-ekonomi negara dan pencapaian wawasan 2020.

17. Memandangkan penyertaan dalam ASM dibuka kepada semua rakyat Malaysia dari seawal usia 6 bulan, maka saya menyeru agar ibubapa mengambil kesempatan ini untuk melabur dalam ASM bagi keperluan masa depan anak-anak mereka. Saya pasti sebagai ibubapa kita berkeinginan untuk merancang yang terbaik untuk anak-anak kita terutamanya dalam menyediakan pilihan pendidikan yang terbaik.

18. Sebagai sebuah institusi yang diuruskan oleh bumiputera kejayaan ini merupakan bukti keupayaan kaum bumiputera dalam bidang ekonomi khususnya pelaburan. Adalah menjadi harapan kerajaan agar PNB akan terus maju kerana kejayaan PNB adalah kejayaan kita semua. Maka tidak hairanlah jika Indonesia dan negara-negara Afrika yang lain turut menunjukkan minat untuk mencontohi formula kerajaan melahirkan institusi seperti PNB di negara masing-masing. Secara tidak langsung ini memberikan peluang terbaik kepada PNB untuk meneroka peluang-peluang pasaran baru.

19. Kemampuan pnb menguasai sektor-sektor strategik seperti perladangan, pembangunan hartanah, pembuatan dan perkhidmatan jelas menunjukkan kita mampu mengurus ekonomi kita sendiri dan tidak memerlukan campurtangan orang lain. Ini jelas terbukti dengan penguasaan PNB dalam syarikat-syarikat besar seperti Golden Hope Plantations Berhad, kumpulan Guthrie Berhad dan Island and Peninsular Berhad. Sektor-sektor ini pula berkemampuan menjana keuntungan dan inilah yang kita pulangkan kepada para pelabur dalam bentuk dividen dan bonus.

20. Pelaburan yang berterusan daripada para pelabur melalui saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB menjamin kesinambungan pelaburan dalam syarikat-syarikat yang berpotensi dan kukuh. Syarikat-syarikat ini kemudiannya menyumbang kepada peningkatan pengeluaran negara dan seterusnya taraf hidup rakyat juga dapat dipertingkatkan. Tetapi sekiranya tabungan ataupun pelaburan dalam saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB berkurangan atau tiada peningkatan maka akan terjejaslah pegangan ekuiti kita terutamanya golongan bumiputera dalam lebih 300 buah syarikat dan juga perkembangan ekonomi negara secara amnya.

21. Sudah tiba masa dan ketikanya para pelabur meningkatkan kemahiran tentang pelaburan dalam saham amanah. Sebagai pelabur, tuan-tuan dan puan-puan perlu memahami falsafah "pelaburan jangka panjang untuk strategi jangka panjang". Falsafah ini telah menjadi teras dan prinsip pelaburan PNB selama lebih 22 tahun. Menyedari bahawa pendidikan berterusan melahirkan individu yang lebih matang dan berkaliber, pnb telah menjadikan bidang pendidikan sebagai asas utama untuk melahirkan golongan profesional di bidang pelaburan dan kewangan. Saya

difahamkan bahawa PNB Investment Institute Sdn. Bhd. Telah ditubuhkan oleh PNB dengan kerjasama Securities Institute of Australia. Saya yakin ini adalah satu langkah bijak dalam menjana gunatenaga mahir yang berkebolehan untuk mengurus dan menerajui aktiviti-aktiviti yang berasaskan pelaburan dan kewangan di negara ini.

22. Golongan bumiputera telah mendapat manfaat yang besar dengan melabur dalam amanah saham bumiputera dan amanah saham nasional. Kejayaan PNB ini telah turut menyakinkan golongan bukan bumiputera untuk menyertai saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB melalui penyertaan mereka dalam amanah saham wawasan 2020 dan yang terbaru ASM. Pelaburan dalam saham-saham amanah yang diuruskan oleh PNB bukanlah bertujuan untuk memberikan kesenangan atau kekayaan kepada mana-mana individu tetapi lebih kepada menaikkan taraf hidup rakyat secara keseluruhan. Selain itu, melalui skim pinjaman ASB-PPRT membolehkan ramai golongan rakyat termiskin menikmati peluang melabur dalam saham amanah. Saya dimaklumkan bahawa Kelantan merupakan negeri yang memiliki jumlah penerima tertinggi bantuan skim pinjaman ASB-PPRT iaitu seramai 26,259 (17%) orang dengan nilai pelaburan berjumlah RM 131 juta (17 %) daripada jumlah keseluruhan penerima seluruh negara yang berjumlah 153,734 orang dengan nilai pelaburan RM 767 juta. Rakyat Kelantan sememangnya bertuah kerana mendapat peruntukan tertinggi dalam skim pinjaman ASB-PPRT ini jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Ingin saya katakan bahawa kerajaan pusat begitu komited dalam usaha membantu rakyat keluar daripada belenggu kemiskinan termasuklah rakyat Kelantan.

23. Dengan berpegang kepada falsafah pelaburan berhemah, berhati-hati dan perancangan masa depan serta pimpinan yang berwibawa, saya yakin PNB mampu menghadapi cabaran-cabaran di alaf baru dan terus memperkenalkan saham-saham amanah baru yang menepati citarasa dan keperluan rakyat Malaysia khususnya bumiputera. Saya berharap agar rakyat negeri Kelantan merebut peluang untuk melabur dalam asm dan jangan bertangguh lagi. Janganlah melihat pelaburan itu untuk keuntungan semata-mata tanpa melihat dari sudut risiko yang akan kita hadapi. Kita jangan mudah terpengaruh dengan sebarang janji-janji manis tanpa mengambil kira akibat yang bakal dihadapi. Kejadian sebegini kerap berlaku di Kelantan di mana ramai yang terlibat dalam skim cepat kaya yang dianjurkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Saya menyeru orang ramai supaya menjauhkan skim cepat kaya ini dan kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka yang terlibat menganjurkan skim seumpama ini.

24. Pelancaran ASM pada hari ini di Kelantan adalah satu tanda bahawa PNB memahami keperluan dan permintaan semasa melalui produk-produk saham amanahnya. Saya gembira dengan adanya ASM ini semua pihak tidak kira tua, muda dan pelbagai bangsa boleh melabur dalam saham amanah. Adalah menjadi harapan saya agar rakyat di negeri ini tidak ketinggalan dari peluang melabur dalam ASM.

25. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasminya melancarkan amanah saham Malaysia peringkat negeri Kelantan.

Terima kasih.